

Universiti awam kini UA bukan IPTA

Johor Bahru: Istilah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak akan digunakan lagi sebaliknya diganti dengan istilah universiti awam (UA) berkuat kuasa ser-ta-merta.

Ini diputuskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Naib-Naib Canselor dan Rektor (JNCR), semalam dalam usaha memartabatkan status universiti awam dalam negara.

Pengerusi JNCR Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, jawatankuasa itu sebulat suara mahu istilah IPTA ditukar kepada UA bagi memberi pengiktirafan status yang lebih berprestij kepada universiti awam.

"Setelah mendapat persetujuan Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan baru-baru ini, semua universiti awam yang terdapat di seluruh negara selepas ini akan dikenali sebagai UA manakala is-



“ Manakala istilah IPTA pula akan diguna bagi merujuk kolej komuniti dan politeknik”

Dr Kamarudin

tilah IPTA pula akan diguna bagi merujuk kolej komuniti dan politeknik,” kata Kamarudin selepas mempengerusikan mesyuarat JNCR di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini, semalam.

Pelaksanaan istilah ini membabitkan 20 universiti awam dan lebih 60 kolej komuniti dan politeknik.

Ini termasuk Universiti Malaya, UTM, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). - BER-NAMA.